

# Cabaran menyeronokkan ke Gunung Nuang



## Fakta Nombor

# 1,490 meter

Tinggi Gunung Nuang

# 5.2 km

Jarak trek dari pintu masuk hingga Kem Lolo

# 2.2 km

Jarak trek mendaki dari Kem Lolo hingga Dataran Pacat

# 1.0 km

Trek mendaki dari Dataran Pacat hingga ke Dataran Pengasih

# 900 meter

Trek turun dan naik dari Dataran Pengasih hingga puncak Nuang

→ Memang penat, tetapi puas apabila berada di puncak

Oleh Zainuri Misfar  
zainuri@bh.com.my

Tupai gebu dengan ekor kembang yang jinak dan patung Doraemon melekat di sebatang pokok mungkin 'menyambut' setiap pendaki yang tiba di puncak Gunung Nuang di Hulu Langat, Selangor. Sekurang-kurangnya bolehlah juga menjadi penawar kepenatan selepas hampir enam hingga tujuh jam berjalan

serta mendaki bermula dari Kuala Pangsoon, Hulu Langat.

Jika cuaca cerah, mereka yang berada di puncak Gunung Nuang boleh menikmati pemandangan gunung-ganang Banjaran Titiwangsa.

Tidak semua boleh berada lama di sini. Puncaknya agak sempit sedangkan ramai yang hendak berkumpul di sini. Ada yang bergegas turun selepas mengambil gambar dan berehat kerana tidak tahan dengan kesejukan kerana tiupan angin di tanah tinggi. Kebiasaannya, mereka akan berada di puncak antara 15 hingga 20 minit.

**Mendaki berulang kali**  
Gunung Nuang antara puncak popular untuk mereka yang suka dengan aktiviti mendaki. Mereka ini bukan sahaja dari Lembah Klang, tetapi hampir dari seluruh negeri di Semenanjung.

Setiap hujung minggu atau

*Perjalanan turun juga melalui trek curam.*

cuti am, seawal jam 5 pagi, ada saja yang mendaki gunung ini sama ada dalam kumpulan besar atau kecil, malahan ada yang berseorangan.

Walaupun diakui sangat memikat kerana kecerunannya mungkin antara 45 darjah hingga 55 darjah, tetapi ia juga dianggap menyeronokkan.

Tidak hairanlah ada yang sanggup mendaki berulang kali.

**Tarikan popular di Hulu Langat**  
Gunung Nuang juga adalah tempat tarikan utama di Hulu Langat yang memang dikenali antara destinasi pelancongan popular di Selangor kerana memiliki alam semula jadi yang masih banyak terpelihara.


Air terjun, air sungai yang menyegarkan, hutan lipur dan bukit atau gunung, selain perkampungan yang masih mengekalkan nilai tradisional, menjadi tarikan di kawasan ini.

Pada setiap hujung minggu kelihatan orang ramai akan melakukan aktiviti perkelahan, perkhemahan, berjalan dalam hutan *trekking*, mendaki dan berbasikal

Ini termasuk Gunung Nuang yang kerap menjadi tumpuan penggemar aktiviti lasak. Melihat beberapa orang yang turun dan naik gunung ini, memperlihatkan keseronokan dan kepuasan yang tersendiri, sedangkan hakikatnya aktiviti mendaki memerlukan kekuatan semangat dan fizikal.

Sudah agak lama saya menyimpan hasrat hendak tengok sendiri apa yang ada di puncak Gunung Nuang sehingga orang tidak pernah putus untuk mendakinya pada saban minggu

Gunung Nuang adalah sebahagian daripada gunung dalam jajaran Banjaran Titiwangsa. Terletak dalam kawasan Hutan Simpan Hulu Langat ia adalah jenis hutan Dipererokarpa Bukit.



**Pemandangan** dari puncak Gunung Nuang jika cuaca terang.

kembara



Gunung Nuang juga adalah tempat tarikan utama di Hulu Langat yang memang dikenali antara destinasi pelancongan popular di Selangor

Penulis

BH  
20/10/16  
mls 4-5

Info

10 Puncak Tertinggi di Selangor

- Gunung Semangkok 1,824 meter
- Gunung Ulu Kali 1,772 meter
- Gunung Rajah 1,684 meter
- Gunung Tunggul 1,663 meter
- Gunung Hulu Semangkok 1,668 meter
- Gunung/Bukit Hulu Bernam 1,526 meter
- Gunung Nuang 1,493 meter
- Pine Tree Hill 1,456 meter
- Gunung Bunga Buah 1,430 meter
- Gunung Talang 1,345 meter

Sumber: Wikipedia senarai gunung di Malaysia



Melayan tupai jinak.



Berehat di kem pacat.

# Berkhemah di Kem Lolo



Terdapat dua laluan untuk mendaki Gunung Nuang, iaitu dari Pangsun di Hulu Langat atau Janda Baik, Pahang. Laluan dari Pangsun dikatakan lebih jauh atau panjang. Bagaimanapun, tidak semua orang mahu mendaki Gunung Nuang kerana ramai yang sekadar melakukan aktiviti trekking sehingga ke Kem Lolo. Bermula dari pintu masuk Gunung Nuang, pengunjung akan berjalan di atas jalan ber-simen sekitar satu kilometer diikuti dengan 'trek balak' sejauh 3.9 km sehingga ke CP Lolo. Perjalanan ini santai kerana melalui rimbunan buluh dan hutan. Anda juga boleh melihat Empangan Hulu Langat dari tebing tinggi di atas trek ini.

Tidak semua yang masuk ke Hutan Lipur Nuang mahu mendaki Gunung Nuang kerana ada yang berjalan sehingga ke Kem Lolo, lokasi popular untuk aktiviti perkhemahan. Dari kem ini, pendakian ke Gunung Nuang hingga ke puncak mengambil masa antara empat hingga lima jam. Kem Lolo juga adalah tempat riadah mendamaikan. Terletak dalam kehijauan hutan yang tebal, selain aliran anak sungai jernih dan menyegarkan. Yang penting cergas Laluan yang kelihatan menegak atau 'pacak' adalah cabaran menyeronokkan ke Gunung Nuang. Terdapat dua check point yang perlu

dilalui iaitu Dataran Pacat dan Dataran Pengasih. Boleh dikatakan tiada langsung laluan mendatar atau landai. Laju atau perlahan pendakian bergantung kepada kekuatan fizikal serta stamina individu sendiri. Kelajuan pendakian juga tidak bergantung kepada saiz badan. Ada yang pendaki bertubuh besar tetapi kelihatan lebih fit atau cergas berbanding mereka yang berbadan normal. Orang ramai berselisih naik dan turun walaupun mendaki Gunung Nuang dikhabarkan sebagai susah. Usia bukan penghalang kerana kelihatan ada pendaki sudah berusia kelihatan cukup bertenaga mendaki atau turun gunung ini.